SIARAN MEDIA
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

19 PRODUK DAN PERKHIDMATAN TEKNOLOGI NUKLEAR DIKOMERSIALKAN, TPS 2026 PERKUKUH KERJASAMA INDUSTRI

BANGI, 28 OKTOBER 2026 – Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) terus memperkukuh usaha pengkomersialan hasil penyelidikan teknologi nuklear dengan merekodkan 19 produk dan perkhidmatan yang telah dikomersialkan, 44 perjanjian pengkomersialan serta 41 kolaborasi bersama pelanggan industri bagi tempoh 2023 hingga 2026.

Pencapaian ini diketengahkan sempena penganjuran Hari Inovasi Nuklear Malaysia (HINM) dan Technology Preview & Showcase (TPS) 2026 pada 28 hingga 29 Oktober 2026, yang menjadi platform untuk memperkenalkan teknologi tempatan serta memperluas kerjasama antara penyelidik, pemain industri dan agensi kerajaan.

Melalui TPS 2026, Nuklear Malaysia memberi tumpuan kepada usaha menghubungkan hasil penyelidikan dengan keperluan pasaran menerusi pameran teknologi, sesi padanan perniagaan Nuklear Malaysia BizMatch serta perkongsian kepakaran dan peluang pengkomersialan.

Antara inovasi yang telah dikomersialkan termasuk benih padi NMR152, produk biobaja, UVGI LembayUVng dan NuRust, yang mempunyai aplikasi dalam sektor pertanian, kesihatan dan industri. Pembangunan produk ini memperlihatkan bagaimana penyelidikan berasaskan sains dan teknologi nuklear dapat diterjemahkan kepada penyelesaian praktikal untuk pelbagai sektor ekonomi.

Menurut YB Datuk Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, nilai eksport produk tempatan berkaitan teknologi nuklear yang mencecah RM6.21 bilion bagi tempoh 2021 hingga 2025 membuktikan potensi ekonomi teknologi berkenaan.

MALAYSIA MADANI

“Nilai eksport produk tempatan berkaitan teknologi nuklear yang mencecah RM6.21 bilion bagi tempoh 2021 hingga 2025 membuktikan bahawa teknologi ini mempunyai potensi ekonomi yang besar. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan terus memperkukuh kerjasama dengan industri bagi mempercepatkan pengkomersialan hasil penyelidikan, membangunkan produk berteknologi tinggi dan memperluas pasaran teknologi tempatan ke peringkat antarabangsa,” katanya.

Selain pengkomersialan teknologi, Nuklear Malaysia turut menyediakan pelbagai perkhidmatan teknikal kepada industri dengan kira-kira 2,200 pelanggan aktif dan purata 5,900 perkhidmatan teknikal setiap tahun. Keupayaan ini mencerminkan peranan Nuklear Malaysia dalam menyokong keperluan teknologi dan pembangunan industri tempatan.

Sementara itu, penganjuran HINM 2026 turut memberi pengiktirafan kepada kecemerlangan penyelidikan dan inovasi melalui Anugerah Inovasi Nuklear Kebangsaan. Pada tahun ini, lebih 50 penyertaan diterima dengan 24 daripadanya berjaya ke peringkat akhir. Majlis berkenaan turut menyaksikan pelancaran logo rasmi baharu anugerah tersebut.

Bertemakan “Nuklear Untuk Rakyat (NUR)”, program selama dua hari ini turut menampilkan pelbagai aktiviti termasuk klinik harta intelek, pameran teknologi, lawatan ke fasiliti penyelidikan, program advokasi nuklear, Sudut Sains dan aktiviti interaktif bersama pelajar sekolah.

Penganjuran HINM dan TPS 2026 selaras dengan aspirasi Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) 2030 untuk memperkukuh penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I), di samping memastikan kemajuan teknologi nuklear dapat dimanfaatkan oleh industri, masyarakat dan ekonomi negara.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA
28 OKTOBER 2026

MALAYSIA MADANI

Mengenai Agensi Nuklear Malaysia

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang berperanan sebagai agensi peneraju bagi mempromosi dan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sains dan teknologi (S&T) nuklear di Malaysia. Aktiviti R&D yang dilaksanakan melibatkan beberapa bidang utama termasuklah industri, perubatan dan penjagaan kesihatan, makanan dan pertanian, air dan sumber asli, alam sekitar, tenaga, serta keselamatan, sekuriti dan kawal selia nuklear.

Hasil R&D yang berpotensi turut diketengahkan ke pasaran untuk memanfaatkan penemuan inovasi saintifik kepada rakyat dan ekonomi negara. Bersandarkan kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang S&T nuklear, infrastruktur dan kemudahan penyelidikan yang lengkap, serta disiplin tenaga kerja yang profesional, Nuklear Malaysia sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelbagai rakan kerjasama strategik, pelanggan, dan masyarakat keseluruhannya.

***Untuk pertanyaan**: Sila layari www.nuclearmalaysia.gov.my atau hubungi Unit Komunikasi Korporat, Agensi Nuklear Malaysia di talian 012-7526676.*

MALAYSIA MADANI